

'Tetap tunai janji lepaskan jawatan'

BH- 15/2/2020 m/k: 6

Dr M nafi terbabit kumpulan gesa kekal Perdana Menteri hingga tamat penggal

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Langkawi: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan dirinya tidak terbabit dengan sebarang gerakan atau kumpulan tertentu yang mahukan beliau kekal sebagai Perdana Menteri sehingga tamat penggal.

Beliau sebaliknya mengulangi kenyataan berpegang kepada janji bagi melepaskan jawatan kepada penggantinya selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang akan dianjurkan Malaysia, November ini.

"Saya janji akan letak jawatan selepas APEC, itu saya pegang kepada janji saya. Saya tidak terlibat dengan yang lain, cuma janji letak jawatan (dan) akan letak jawatan," katanya pada sidang me-

dia selepas merasmikan majlis pecah tanah Fasa 2: Villa Sirehan dan melawat tapak projek 1: Rebutan Resort Langkawi di Ulu Melaka, di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai laporan sebuah portal berita berbahasa Inggeris semalam, yang mendakwa kononnya 138 Ahli Parlimen sudah menandatangani Akuan Bersumpah (SD) yang menyokongnya memegang jawatan Perdana Menteri sehingga habis penggal.

"Hari ini, Pakatan Harapan (PH) mempunyai majoriti (dalam Parlimen), macam mana boleh dapat angka 138, yang itu orang lain punya kerja, saya tidak tahu (bagaimana) mereka boleh buat macam itu.

Saya janji akan letak jawatan selepas APEC, itu saya pegang kepada janji saya. Saya tidak terlibat dengan yang lain, cuma janji letak jawatan (dan) akan letak jawatan.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

'Saya cenderung Dr M terajui negara sehingga selesai APEC'



Dr Mahathir Mohamad (tengah) berucap kepada media selepas sidang media di pejabatnya di Putrajaya, 14 Februari 2020. (Foto: M. Hifzuddin Ikhsan/BH)

Keratan akhbar BH semalam.

"Maknanya PH mesti sokong lah (baru boleh) dapat angka macam itu," katanya.

Mengenai sama ada beliau menyedari SD berkenaan seperti dilaporkan, Dr Mahathir berkata: "Saya dengar macam-macam cerita, (ada yang cakap) jadi PM sampai 20 tahun lagi, saya umur 94 tahun, lagi beberapa bulan 95 tahun...mana boleh tahan."

Malah, katanya, perkara itu turut dijelaskannya kepada Anwar dalam pertemuan mereka di Putrajaya, kelmarin dan mengakui kenyataan dikeluarkan Presiden PKR mengenai peralihan kuasa adalah benar.

"Dia (Anwar) jumpa dengan saya (semalam) dan apa dia buat kenyataan itu betul," katanya.

Selepas pertemuan itu, Anwar dalam kenyataannya berkata, beliau membangkitkan isu peralihan kuasa berikutan terdapat tindakan wakil rakyat PAS, UMNO dan PKR yang dipercayai berusaha mendapatkan tandatangan menyokong kepemimpinan Perdana Menteri sehingga akhir penggal.

Anwar berkata, beliau cenderung Dr Mahathir terus menarajui negara sehingga selesai Sidang Kemuncak APEC dan per-

kara itu akan dimuktamadkan pada Mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari ini.

PH bersetuju memilih Anwar sebagai pengganti Dr Mahathir tetapi tarikhnya tidak ditetapkan.

Portal berita Sarawak Report awal minggu ini turut mendakwa, Ahli Parlimen UMNO, PAS, BERSATU dan PKR yang memihak kepada seorang pemimpin kanan parti itu digesa datang ke Kuala Lumpur bagi menandatangani SD menyokong kepemimpinan Dr Mahathir sehingga habis penggal.

Sementara itu, Dr Mahathir turut ditanya pandangannya sama ada isu peralihan kuasa Perdana Menteri perlu dihentikan, beliau berkata, perkara itu terus dipertakatakan berikutan ia kerap menjadi tumpuan pihak media.

"Ini press (media) la, yang seronok sangat (membuat laporan mengenai peralihan kuasa), kalau ada kontroversi baru ada cerita. Bagi media (jika) saya dan Anwar bertumbuk apa semua, lagi seronok cerita.

"Pemimpin PH pula buat kenyataan sebab ditanya (media). Kalau tak tanya tidak ada kenyataan," katanya.